

# Kerajaan jamin bantuan mangsa banjir disegerakan

Perdana Menteri minta anggota Kabinet laksana tugas pastikan urusan berjalan lancar

Oleh Saiful Haizan Hasam  
saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan beliau akan memastikan semua pihak memikul tanggungjawab sebaik-baiknya bagi melancarkan urusan pengagihan bantuan kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Beliau berkata, perkara itu dibincangkan pada Mesyuarat Kabinet pertama pada 2022 semalam demi memastikan semua bantuan yang diumumkan kerajaan sebelum ini segera sampai kepada penerima.

Katanya, beliau turut mengingatkan semua anggota Kabinet yang mereka mempunyai peranan masing-masing ketika negara berdepan krisis kesihatan, ekonomi dan bencana.

“Berikutan bencana banjir negara, saya akan pastikan setiap pihak menggalas tugas sebaiknya dalam melancarkan urusan pemberian bantuan kerajaan. Segala bantuan yang diumumkan



Saya turut mengingatkan anggota Kabinet bahawa semua orang mempunyai peranan masing-masing dalam menghadapi krisis kesihatan, ekonomi dan bencana yang melanda negara

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri

mesti disegerakan.

“Saya turut mengingatkan anggota Kabinet bahawa semua orang mempunyai peranan masing-masing dalam menghadapi krisis kesihatan, ekonomi dan bencana yang melanda negara.

“Saya yakin dan percaya, dengan tumpuan dan dedikasi dari semua, cabaran ini dapat kita lalui dengan tenang sebagai sebuah Keluarga Malaysia,” katanya melalui Facebook, semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri, berkata selain isu penguurusan banjir dan pascabanjir, mesyuarat Kabinet semalam turut memberi penekanan terhadap isu penangguhan ibadah umrah bagi jemaah Malaysia atas sebab penularan varian Omicron di Tanah Suci.

Dalam perutusan khas sempena tahun baharu 2022 pada Jumaat lalu, Ismail Sabri mengu-

mumkan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia membabitkan pemberian tunai kepada mangsa banjir boleh mencecah RM10,000 bagi setiap ketua isi rumah (KIR).

Ia usaha kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat yang terjejas akibat bencana itu tanpa perlu mengeluarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

“Kerajaan turut menyediakan bantuan tunai sehingga RM5,000 bagi setiap keluarga untuk kerja pembaikan rumah mangsa banjir yang mengalami kerosakan tidak serius.

Bagi kerosakan serius, kerajaan akan mengurus baik pulih kediaman dengan kos sehingga RM15,000, manakala rumah yang musnah dan tidak boleh diduduki, bantuan sehingga RM56,000 akan diberikan untuk setiap unit rumah dibina baharu.